

# Meningkatkan Kemahiran Murid dalam Menjawab Soalan Kefahaman Subjektif Menggunakan Teknik Teks Andaian

Siti Fatimah Hassan  
siti\_fatimah\_hassan@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Yu Neng  
Pusat Bahasa Melayu SIngapura

## Abstrak

Membaca merupakan satu proses dinamik yang memerlukan interaksi antara pembaca dengan bahan yang dibaca. . Pembacaan kefahaman yang efektif merangkumi penguasaan beberapa aspek seperti fonik, kosa kata dan kemahiran membaca dengan pemahaman. Pembaca aktif mampu berinteraksi dengan perkataan yang dibaca serta memahami maksud yang terkandung yang sebaliknya. Namun, melalui analisis tahunan yang dijalankan mendapati bahawa murid-murid Darjah 5 di sebuah sekolah tidak mampu memahami petikan yang dibaca dengan lebih mendalam. Lantas, kekurangan ini telah menghadkan kebolehan mereka untuk menjawab soalan-soalan kefahaman yang diajukan. Kertas kerja ini bertujuan untuk menunjukkan bagaimana kemahiran menjawab soalan-soalan kefahaman dapat dipertingkatkan dengan penggunaan teknik '*Probable Passage*' atau teks andaian, dengan sokongan alat *Web 20, Crocodoc*. Penggunaan teknik *Probable Passage* ini membantu murid memahami jalan cerita dan meningkatkan kosa kata. *Crocodoc* pula merupakan alat anotasi yang dapat memupuk pembacaan aktif dan meningkatkan pemahaman murid, maka itu, penggunaan *Crocodoc* ini berupaya menyokong teknik *Probable Passage* ini. Alat dan teknik ini digunakan untuk menggalakkan murid membuat analisis dan berfikir secara kritikal ketika membaca petikan. Dapatan kajian yang dijalankan melalui penganalisan markah pra dan pasca ujian telah menunjukkan 92.8% murid telah mencapai markah yang lebih baik setelah didedahkan kepada teknik teks andaian dan anotasi.

## Kata Kunci:

Pengajaran dan Pembelajaran, Kefahaman, Analisis, Pemikiran Kritikal, *Probable passage*, teks andaian, crocodoc

## **Biodata**

Cikgu Siti Fatimah Hassan telah berkhidmat sebagai guru yang berdedikasi selama 7 tahun. Sekarang mengajar di Sekolah Rendah Yu Neng selama 7 tahun. Berkelulusan Diploma dalam bidang Informatik Biomedik dan Kejuruteraan dari Politeknik Temasek dan Diploma Pendidikan dari NIE. Beliau amat berminat dalam penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran

## **Pengenalan**

Berdasarkan wawasan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan, kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah bertujuan untuk meningkatkan literasi pelajar dalam bahasa itu. Visi asas sukatan pelajaran ini memberi tumpuan kepada kemahiran bahasa, menekankan pembelajaran yang berkesan dan menekankan penglibatan pelajar yang aktif (2008).

Untuk mencapai hasil pembelajaran ini, pelajar diberi peluang untuk menggunakan pelbagai strategi pembelajaran, mengasah kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, dan menggunakan kemahiran teknologi maklumat untuk menyokong pembelajaran bahasa.

Kertas kefahaman Bahasa Melayu peringkat darjah 5, mengandungi soalan-soalan berbentuk literal, inferens, penilaian dan penghayatan. Hasil kajian yang dijalankan oleh Nicole Outsen dan Stephanie Yulga (2002) menunjukkan bahawa jenis soalan kefahaman seperti ini penting untuk memberi murid peluang respons terhadap strategi yang digunakan oleh guru, serta menekankan pemahaman murid, agar mereka dapat memahami jalan cerita dengan lebih berkesan. Malangnya, kebanyakan murid menghadapi masalah menangani soalan-soalan jenis ini.

Penggunaan strategi teks andaian dan anotasi menggunakan perisian 2.0 *Crocodoc*, mampu membantu murid meningkatkan pemahaman. Ia juga memberi murid-murid peluang menjalani pembelajaran kolaboratif. Guru juga dapat membimbing murid melalui proses penilaian dan memastikan mereka terlibat dalam

proses kritikan. Sebelum mengenalkan pelajaran ini, murid-murid telah diajar untuk menganalisis dan memberi maklum balas jawapan-jawapan yang diberikan daripada kumpulan-kumpulan lain.

### **Pernyataan Masalah**

Berdasarkan keputusan peperiksaan SA1 sekolah ini, kebanyakan pelajar tidak dapat menjawab soalan kefahaman inferens dan penilaian yang berkaitan dengan sifat/sikap watak.

Peruntukan markah untuk soalan jenis kefahaman ini adalah antara 2 hingga 4 markah. Berdasarkan pemerhatian guru, murid menghadapi kesukaran dalam mengenal pasti sifat/sikap watak dalam petikan kefahaman. Di samping itu, mereka tidak berupaya menerangkan jenis-jenis sifat/sikap watak kerana penguasaan bahasa mereka amat terhad.

Berdasarkan keprihatinan ini, sekumpulan guru Bahasa Melayu telah melakarkan strategi untuk membantu murid menjawab soalan kefahaman dengan memberi tumpuan kepada sifat/sikap watak. Strategi-strategi ini diharapkan dapat meningkatkan keupayaan murid dalam mengenal pasti perwatakan ini serta mencari bukti yang dapat menyokongnya melalui petikan teks yang diberi.

### **Tujuan Kajian**

Berdasarkan latar belakang ini, guru-guru telah mewujudkan pembelajaran yang berteraskan ICT dalam pengajaran Kefahaman Membaca. Para guru berharap usaha ini dapat meningkatkan prestasi murid semasa menjawab soalan-soalan kefahaman berkaitan sifat/sikap watak. Soalan kajian yang harus dihuraikan melalui projek ini adalah seperti berikut :

1. Bagaimanakah strategi teks andaian meningkatkan kemahiran murid dalam menjawab soalan-soalan kefahaman berkaitan sifat dan sikap watak?

2. Bagaimanakah penggunaan anotasi secara kolaboratif dengan menggunakan perisian *Crocodoc* dapat meningkatkan kemahiran murid memahami isi petikan?

## **Kajian Literatur**

Perisian 2.0 mempunyai pengaruh untuk meningkatkan kemahiran literasi dan membolehkan pengguna untuk membuat, mengedit dan memanipulasi dengan cara yang interaktif. Komunikasi dalam talian telah menjadi satu bahagian yang penting dalam pemahaman membaca dalam talian. Pembaca dalam talian mampu mengumpul maklumat untuk menyelesaikan masalah dan menganalisis maklumat.

Murid-murid dan guru-guru menggunakan alat dalam talian untuk mencerminkan bagaimana mereka perlu melibatkan diri secara sosial dalam pengajaran dan pembelajaran ICT. Perisian 2.0 dalam bilik darjah membolehkan murid berkomunikasi dengan pengguna berbeza secara aktif. (Hansfield et al.2009)

Dalam kajian ini, guru-guru cuba mengkaji bagaimana murid-murid menggunakan *Crocodoc* ([www.crocodoc.com](http://www.crocodoc.com)) untuk menilai hasil kerja kumpulan masing-masing. '*Crocodoc*' merupakan perisian anotasi sosial yang membolehkan murid menulis nota peribadi dan menyerlahkan maklumat dari petikan teks dan berkongsi nota dengan sekumpulan murid agar mereka boleh menambah anotasi mereka sendiri. Guru menyediakan pautan supaya semua murid di dalam kelas itu boleh melihat setiap hasil kerja kumpulan yang lain. Penggunaan '*Crocodoc*' memastikan murid sentiasa mempunyai akses kepada komen rakan-rakan dan guru-guru.

Lori Jamison Rog (2012) menekankan pentingnya teks kefahaman kerana ia dapat meningkatkan pertanyaan pembaca bagi membezakan watak. Kadang-kadang maklumat tentang watak dinyatakan secara langsung oleh pengarang atau oleh watak lain dalam teks.

Oleh itu, pembaca membuat kesimpulan tentang watak itu berdasarkan perkataan atau tindakannya. Pembaca perlu berupaya menganalisis sifat-sifat watak yang disampaikan dalam petikan teks.

Walaupun murid mempunyai kosa kata yang terhad tentang sifat-sifat watak itu, langkah ini merupakan satu permulaan yang baik untuk melaksanakan strategi bagi meningkatkan kemahiran menjawab soalan-soalan kefahaman berdasarkan sifat-sifat.

Terdapat tiga cara yang murid pelajari tentang watak semasa membaca. Pertama, apa yang dinyatakan penulis secara langsung mengenai watak itu. Kedua, apa yang dikatakan oleh watak, sama ada yang difikirkan atau pun tidak. Ketiga, apa yang dikatakan oleh watak lain dan bagaimana mereka berinteraksi dengan watak. Penemuan ini menunjukkan bahawa apabila murid belajar untuk mengenal pasti sifat-sifat watak dalam petikan kefahaman, mereka berupaya menjawab soalan kefahaman mengenai sifat watak dengan betul.

Kaedah pengajaran teks andaian dalam kajian ini merupakan satu strategi untuk meningkatkan kefahaman kesedaran tentang struktur cerita serta perbendaharaan kata murid.

Ernest Balajthy dan Sally Lipa-Wade (2003) melalui kajian mereka menyatakan bahawa kaedah pengajaran teks andaian telah dibinakan oleh Wood (1988) untuk mengajar murid membaca melalui ramalan. Strategi ini merupakan strategi mental yang penting agar seseorang itu mempunyai kemahiran membaca. Strategi ini menggalakkan murid menggunakan pengetahuan sedia ada mereka, memberikan tumpuan kepada perbendaharaan kata yang penting, mengaitkan hubungan, membentuk imej visual dan menggunakan ramalan untuk membina pemikiran aktif mengenai petikan teks yang dibaca itu. Strategi ini memberikan peluang agar murid berbincang dalam kumpulan kecil serta membantu mereka menjadi lebih kritikal akan struktur cerita dan penjelasan yang terdapat dalam petikan teks.

## **Kaedah Kajian**

Kajian telah dijalankan menggunakan kaedah kajian secara kuantitatif dan kualitatif. Data kualitatif diperolehi melalui borang soal selidik berdasarkan skala 5-mata berjenis Likert. Borang soal selidik ini digunakan untuk mencerminkan persepsi murid tentang penggunaan strategi teks andaian dan anotasi melalui perisian 2.0 *Crocodoc* untuk menjawab soalan-soalan kefahaman berbentuk sifat/sikap. Bagi data kuantitatif pula, hasil markah pra dan pascaujian murid diambil sebagai kayu ukur. Hasil markah ini akan dibandingkan dan dianalisis dengan teliti untuk melihat keberkesanan strategi yang digunakan dan sekaligus mengukur peningkatan kemahiran kefahaman murid.

## **Subjek Kajian**

Kajian ini merupakan sebuah kajian tindakan yang melibatkan 14 orang murid Darjah 5 dari kelas yang mempunyai keupayaan sederhana. Para murid ini telah mengikuti kelas Bahasa Melayu di mana pengajaran kefahaman menggunakan strategi teks andaian dan anotasi melalui perisian *Crocodoc* telah dijalankan selama dua minggu. Murid-murid ini telah dipilih kerana keupayaan mereka untuk menjawab soalan kefahaman berbentuk sifat/sikap amat terhad berdasarkan analisis soalan kertas peperiksaan yang telah dijalankan pada tahun sebelumnya.

## **Prosedur Kajian**

Sebelum kajian tindakan ini dimulakan, 14 orang murid tersebut telah menduduki kertas praujian untuk mengenal pasti prestasi mereka dalam menjawab soalan-soalan kefahaman berbentuk sifat/sikap. Murid-murid tidak pernah didedahkan kepada strategi pengajaran yang bakal digunakan dalam kajian tindakan ini.

Sebelum murid-murid didedahkan kepada apa-apa strategi pengajaran, ia amatlah penting untuk murid-murid memahami objektif utama kajian tindakan ini, iaitu untuk mengenal pasti sifat/sikap watak dalam sebuah petikan kefahaman. Oleh itu, sebuah buku kecil yang mengandungi senarai sifat/sikap yang sering digambarkan dalam petikan kefahaman telah diberikan kepada murid-murid. Guru

menerangkan sifat/sikap yang disenaraikan untuk memudahkan murid mengenal pasti sifat/sikap yang boleh dimiliki oleh seseorang watak di dalam sebuah petikan kefahaman. Selain itu, untuk meningkatkan tahap pemahaman murid, buku kecil ini mengandungi senarai sifat/sikap yang tidak hanya berbentuk positif, malah yang berbentuk negatif juga.

Jadual 1: Contoh Senarai Sikap Positif / Negatif

<b>Sikap positif</b>	<b>Penerangan</b>
Hormat menghormati	saling memberikan layanan yang penuh sopan
Gotong royong / Bekerjasama / Tolong-menolong	saling membantu antara satu sama lain
Bertolak-ansur	saling menuruti atau memberi, berkompromi
Rendah hati	tidak angkuh atau sombong dan baik hati
Jimat-cermat	tidak boros
Bersatu-hati	bersepakat
Bersimpati	perasaan belas kasihan dan timbang rasa terhadap seseorang atau sesuatu terutama apabila ditimpa kesusahan
Bermewah-mewahan	suka menonjolkan kemewahan atau kekayaan

Seterusnya, kaedah pemenggalan teks untuk memaparkan sifat/sikap seseorang watak telah digunakan untuk langkah ini. Teks kefahaman yang telah direka khas ini telah diberikan kepada para murid sebagai latihan pengukuhan supaya para murid dapat mengenal pasti sifat/sikap seorang watak yang telah mereka pelajari melalui buklet yang diberikan sebelum ini. Langkah ini dijalankan secara berpasangan dan sebanyak 8 teks kefahaman khas telah digunakan.

## Jadual 2: Contoh Latihan Pemenggalan Teks

**Arahan: Baca perenggan berikut dan jawab soalan-soalan yang mengikutinya**  
**Latihan 1**

Cik Limah, jiran Pak Kassim telah menganggap Pak Kassim seperti bapanya sendiri. Pak Kassim yang telah menjangkau usia 76 tahun, hidup bersama anak lelakinya di sebuah flat 2 bilik di Toa Payoh. Setiap hari, Cik Limah akan menghantar makanan ke rumah Pak Kassim. Dia juga akan membawa Pak Kassim ke klinik untuk rawatan pada setiap bulan. Cik Limah kasihan melihat nasib Pak Kassim yang tidak mendapat kasih sayang oleh anak tunggalnya itu. Anaknya, Leman, jarang pulang ke rumah dan tidak mengambil tahu tentang bapanya. Dia kini menganggur setelah dipecat sebab selalu datang lambat. Dia lebih suka menghabiskan masanya berfoya-foya bersama teman-temannya.

Soalan 1 : Berikan satu sifat terpuji Cik Limah. Berikan contoh bagi menyokong pernyataan kamu.

---

---

Soalan 2 : Berikan satu sifat Leman. Berikan contoh bagi menyokong jawapan kamu.

---

---

Setelah murid didedahkan kepada sifat/sikap seorang watak, murid telah diajar kemahiran membuat anotasi. Murid mempelajari langkah-langkah membuat anotasi dengan mengenal pasti sifat/sikap watak-watak dalam sebuah petikan kefahaman sambil mencari bukti-bukti untuk menyokong sifat/sikap yang telah dikenal pasti . Latihan-latihan anotasi ini dijalankan secara bertulis. Sebagai pelengkap kepada kemahiran membuat anotasi, strategi teks andaian pula diajar kepada para murid. Sebuah template teks andaian telah ditunjukkan dan diterangkan kepada murid. Kemudian, sebuah teks yang telah dianotasi bersertakan sebuah templat teks andaian yang lengkap telah diberikan kepada murid sebagai



contoh sebelum murid sendiri membuat latihan anotasi bersertakan teks andaian. Langkah ini amat penting kerana akan memudahkan proses pembelajaran murid sebelum mereka membuat latihan dalam talian melalui alat perisian 2.0 *Crocodoc* pula.

Jadual 3: Template Strategi Teks Andaian

<b>Template Strategi Teks Andaian</b> <b>Projek Kajian Tindakan – Kefahaman</b>		
Nama: _____ _____		Tarikh: _____
Darjah: _____		
Watak	Sifat/sikap watak	Bukti bagi menyokong sifat/sikap watak

### Instrumen Kajian

Murid sudah lebih bersedia untuk menjalankan latihan dalam talian melalui perisian 2.0 *Crocodoc*. Sebanyak tujuh komputer riba telah digunakan untuk penggunaan setiap pasangan. Contoh sebuah teks yang telah dianotasi berserta templat teks andaian yang lengkap telah dimuatnaikkan ke dalam perisian 2.0 *Crocodoc*. Kemudian, guru menerangkan ciri-ciri yang terdapat dalam *Crocodoc* untuk membuat latihan anotasi.

Panduan langkah untuk murid telah disediakan seperti berikut:

### **Latihan Anotasi melalui perisian Crocodoc**

**Ikuti langkah-langkah utama ini dalam membuat anotasi:**

1. Lungsuri lalaman: <http://personal.crocodoc.com/J8BvtTp>
2. Baca petikan sekali lalu.
3. Di dalam setiap perenggan, cari dan tandakan maklumat menggunakan butang '**Highlighter**' (penanda):
  - ❖ Watak-watak yang signifikan (**jingga**)
  - ❖ Masalah atau konflik di dalam cerita (**kuning**)
  - ❖ Gambaran keadaan atau tempat/sifat, sikap atau perasaa (**hijau**)
  - ❖ Fakta atau pandangan (**biru**)
4. Gunakan butang '**Draw**' untuk menggariskan perkataan yang kamu tidak tahu maknanya.
5. Gunakan butang '**Text**' apabila kamu mahu membuat anotasi (tulisan) untuk menerangkan maklumat yang sudah ditandakan atau digariskan.

*Crocodoc*, hasil markah pascaujian ini akan digunakan sebagai kayu ukur berbanding markah praujian murid.

## Rajah 4: Contoh Teks Yang Telah Dianotasi Menggunakan Perisian Crocodoc

Crocodoc

**Watak/Sifat:**

1. Penulis - rajin, tekun, berani, prihatin, mengambil berat
2. Cik Jamaliah: sedih, tidak berdaya, lega
3. Salmah: takut
4. Orang kampung: tidak prihatin, tidak bekerjasama

**Latar:**

1. Kampung

**Masalah:**

1. Hari yang panas mengganggu penulis.
2. Rumah Cik Jamaliah terbakar dan Salmah berada di dalam.

**Contoh 1**

Panas matahari menyengat. Walaupun kipas berputar <sup>laju</sup>ligat, namun bahang kepanasan bagaikan membakar urat-urat sarafku. <sup>watak utama</sup>Peperiksaan hujung tahun yang hampir menjelang mendorongku <sup>watak utama</sup>agar terus giat belajar. Namun, <sup>watak utama</sup>keselesaan dan tumpuan <sup>watak utama</sup>terhadap pelajaran agak terganggu dek cuaca panas itu. Masalah: Cuaca panas mengganggu keselesaan penulis

Aku cuba sedaya upaya menumpukan sepenuh perhatian terhadap nota-nota pelajaran yang terpampang di depanku. Tiba-tiba, gegandang telinga <sup>watak</sup>terdengar suara jeritan di luar. Aku mendengar baik-baik suara itu. Jelas, itu adalah suara <sup>watak</sup>Cik Jamaliah, jiran tetanggaku. Masalah: Rumah Cik Jamaliah terbakar

Aku <sup>segera</sup>bingkas bangun lalu menjenguk ke luar jendela. Aku begitu terkejut apabila melihat rumah Cik Jamaliah sedang dijilat api. Tanpa berfikir panjang, aku <sup>dengan pantas</sup>segera menelefon ahli bomba. Kemudian, aku <sup>penulis mengambil berat dan berusaha untuk memadamkan api</sup>bergegas mengambil baldi lalu ke rumah Cik Jamaliah.

<sup>rumahnya akan musnah seluruhnya</sup> Ketika itu, api belum <sup>besar</sup>marak lagi. Namun, <sup>perasaan risau dan sedih</sup>jika tidak dikawal, pasti rumah Cik Jamaliah akan menjadi abu. Aku lihat Cik Jamaliah sedang menangis di bawah pokok sambil menjerit-jerit nama <sup>watak</sup>cucunya, Salmah. Sebelum aku sempat bertanya, beliau <sup>watak</sup>menuding jarinya ke arah rumah. Masalah: Salmah di dalam rumah

<sup>Cik Salmah terlalu lemah untuk bercakap dan hanya mampu menuding sahaja</sup> Orang kampung <sup>watak</sup>semakin ramai yang tiba namun ramai daripada mereka hanya berkerumun dan memerhatikan kebakaran tersebut. Mereka lebih sibuk bercakap dan bertanya sesama sendiri. Jika ada yang membantu pun, mereka hanya memadamkan api dari bawah. Tanpa berlengah-lengah lagi, aku <sup>penulis berani dan prihatin</sup>meredah masuk ke dalam rumah. Mataku meliar mencari-cari Salmah. Ketika itu, budak kecil yang berusia tiga tahun itu sedang menangis di tepi katil. Aku mendukungnya lalu membawanya ke luar rumah dengan pantas. Salmah berasa takut

<sup>Perasaan lega</sup> Aku bergegas membawa Salmah ke arah neneknya. Cik Jamaliah <sup>penyelesaian</sup>segera memeluk cucunya sambil mengucapkan terima kasih kepadaku. Tidak lama kemudian, pihak bomba pun tiba di tempat kejadian. Kebakaran itu berjaya dipadamkan sepuluh minit kemudian. Mujurlah, rumah Cik Jamaliah tidak musnah sepenuhnya dijilat api. <sup>penyelesaian</sup>Cik Jamaliah benar-benar bersyukur apabila <sup>penyelesaian</sup>mengenangkan musibah yang baru menimpa dirinya.

Cik Jamaliah sedar walaupun rumahnya dijilat api, sekurang-kurang dia dan cucunya Salmah selamat.

## Dapatan Kajian

Berdasarkan dapatan praujian, langkah-langkah pemulihan telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan strategi teks andaian dan anotasi dengan menggunakan perisian *Crocodoc* dalam pembelajaran kolaboratif. Dapatan maklum balas daripada guru yang menjalankan aktiviti adalah seperti berikut:

- Sebelum pembelajaran sifat dan sikap diperkenalkan kepada murid-murid, mereka mempunyai pemahaman yang terhad. Murid-murid yang berkeupayaan sederhana memerlukan lebih masa untuk mengenal pasti jenis-jenis sifat dan sikap watak. Semasa membuat latihan bersama pasangan dengan menggunakan perisian *Crocodoc*, murid-murid perlu merujuk senarai sifat dan sikap untuk menjawab soalan-soalan kefahaman.
- Strategi anotasi merupakan pengajaran yang berkesan untuk memudahkan pemahaman murid terhadap petikan kefahaman yang dibaca. Berdasarkan hasil kerja murid-murid, mereka telah menunjukkan bahawa mereka memahami urutan cerita dan isi teks.
- Lapan latihan yang dilakukan oleh murid-murid selepas mereka memahami tentang sifat dan sikap watak, mengukuhkan lagi pemahaman mereka dalam mengenal pasti sifat dan sikap watak dalam teks. Mereka juga mampu memberikan bukti yang menyokong sifat dan sikap yang dikenal pasti.

Dapatan kajian melalui penganalisan data kuantitatif pula telah dijalankan secara perbandingan markah pra dan pascaujian. Penganalisan data yang menyeluruh telah dilakukan untuk mengira purata, sisihan piawai dan varian bagi menunjukkan hasil pendapatan yang terperinci dalam peningkatan markah para murid. Penganalisan data kuantitatif tersebut dapat dilihat melalui rajah di halaman sebelah.

**Jadual5: Penganalisaan Markah Pra dan Pascaujian**

Pra Ujian			Pasca Ujian		
Mean	Standard Deviation	Variance	Mean	Standard Deviation	Variance
2.4	2.1	4.5	6.0	2.4	5.7

Bilangan	Murid	Pra Ujian (10)	Pasca Ujian (10)	Perbezaan Markah	% Peningkatan
1	A	0	6	6	60
2	B	4	2	-2	-20
3	C	0	2	2	20
4	D	3	6	3	30
5	E	4	6	2	20
6	F	2	6	4	40
7	G	0	4	4	40
8	H	2	10	8	80
9	I	2	6	4	40
10	J	6	8	2	20
11	K	7	8	1	10
12	L	2	4	2	20
13	M	2	10	8	80
14	N	0	6	6	60

Berdasarkan pencapaian keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan 92.8% (13 daripada 14) murid telah mencapai markah yang lebih baik dalam latihan pascaujian berbanding markah yang diperolehi dalam latihan praujian.

Dapatan kajian juga menunjukkan 71.4% (10 daripada 14) murid berjaya untuk lulus latihan pascaujian berbanding 14.3% (2 daripada 14) murid yang lulus dalam praujian.

Penganalisan data yang lebih lanjut menunjukkan peningkatan terperinci yang mana markah purata yang diperolehmurid telah meningkat daripada 2.4 dalam latihan praujian ke 6 dalam latihan pascaujian.

Dapatan kajian kuantitatif yang dijelaskan di atas ternyata menunjukkan murid dapat memahami dan menjawab soalan kefahaman berbentuk sifat/sikap dengan lebih baik. Penggunaan strategi teks andaian dan anotasi melalui perisian *Crocodoc* jelas telah membantu murid mengenal pasti dan mencari bukti-bukti yang menggambarkan sifat/sikap seseorang watak dengan lebih tepat.

Dapatan kajian kualitatif dapat menyokong kenyataan yang jelas terbukti melalui tindak balas murid ketika membuat borang soal selidik yang mengikuti skala 5-mata berjenis *Likert*. 100% murid memberikan tindak balas setuju atau sangat setuju bagi setiap item soalan yang terdapat dalam borang tersebut. Dapatan kajian kualitatif ini dapat dilihat melalui rajah di bawah ini.

Jadual 6: Ringkasan Laporan daripada Borang Soal Selidik

No.	Soalan	Sangat setuju	Setuju	Neutral	Tidak setuju	Sangat tidak setuju
1.	Cara pengajaran dan strategi-strategi yang digunakan guru saya menarik dan berguna.	6 (42.8%)	8 (57.2%)			
2.	Saya suka menggunakan strategi anotasi melalui 'Crocodoc'.	9 (64.3%)	5 (35.7%)			
3.	Saya suka menggunakan strategi teks andaian ('Probable Passage').	9 (64.3%)	5 (35.7%)			
4.	Dengan penggunaan dua strategi ini, saya dapat memahami petikan kefahaman dengan lebih baik.	10 (71.4%)	4 (28.6%)			
5.	Saya dapat mengenal pasti sifat/sikap watak di dalam petikan dengan lebih tepat.	8 (57.2%)	6 (42.8%)			
6.	Saya dapat menggunakan dua strategi anotasi dan teks andaian ('Probable Passage') ketika membuat latihan kefahaman.	11 (78.6%)	3 (21.4%)			
7.	Secara keseluruhan, saya telah mempelajari strategi-strategi yang berguna dalam membuat latihan kefahaman.	9 (64.3%)	5 (35.7%)			

Antara hasil dapatan kajian kualitatif yang amat menyerlah melalui borang soal selidik ini menunjukkan 71.4% (10 daripada 14) murid sangat setuju bahawa penggunaan strategi teks andaian dan anotasi telah membantu murid memahami petikan kefahaman dengan lebih baik. Selain itu, 78.6% (11 daripada 14 murid) sangat setuju bahawa mereka dapat menggunakan strategi teks andaian dan anotasi ketika membuat latihan kefahaman.

Dapatan ini menunjukkan secara keseluruhannya, murid-murid dapat memahami petikan kefahaman dengan lebih baik serta sedar akan strategi yang telah digunakan dalam menjawab soalan kefahaman.

## **Kesimpulan**

Strategi-strategi seperti teks andaian dan anotasi perlu dijalankan berulang kali dengan penggunaan perisian *Crocodoc* agar murid-murid terbiasa dengan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan. Dengan pakej yang telah disediakan ini, murid-murid diharapkan akan berfikir secara aktif dan kritis untuk memahami apa yang dibaca serta mampu menjawab soalan kefahaman dengan lebih teliti. Selain itu, murid-murid juga diharapkan terangsang untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran kefahaman yang dapat menambahkan keyakinan murid semasa menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif.

Selain itu, beberapa langkah peningkatan juga akan dijalankan pada masa hadapan secara bertahap-tahap untuk mengenalkan beberapa jenis soalan kefahaman yang lain dengan menggunakan strategi-strategi yang sama.



## Rujukan

- Balajthy, Ernest. (2003). *Struggling Readers :Assessments and Instruction in Grade K-6*. New York : The Guilford Press.
- Curriculum Planning and Development Division. (2008). *Malay Language Syllabus (Primary) 2008*. Singapore : Ministry of Education.
- Nicole Outsen & Stephanie Yulga (2002 ). *Teaching Comprehension Strategies All Readers Need*. New York : Scholastic Professional Books.
- Rog, Lori, (2012). *Guiding Readers Making the Most of the 18 Minutes guide reading lesson*. Canada : Pembroke Publishers.
- Wolley, Gary, (2011). *Reading Comprehension: Assisting Children with Learning Difficulties*, 127.
- Sally Lipa-Wade (2003) *Struggling Readers: Assessment and Instruction in Grades K-6* , Guilford Publications, Engelska
- Wood (1988) *How Children Think and Learn*, Wiley-Blackwell, Oxford , U.K.

## Sumber dari Internet

- Hansfield et al. (2009) *Becoming Critical Consumers and Producers of Texts: Teaching Literacy with Web 1.0 and Web 2.0*, dipetik dari: <http://www.scribd.com/doc/205992400/Handsfield-Et-Al-2009-Becoming-Critical-Consumers-and-Producers-of-Text>